



Dr Mahathir mempengerusikan mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU yang turut disertai presidennya, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Kabinet kekal: PM

Perubahan dibuat jika ada menteri letak jawatan

Oleh Rohaniza Idris dan Irwan Shafrihan Ismail
bnews@bh.com.my

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan barisan Jemaah Menteri sedia ada kekal, kecuali ada menteri yang meletakkan jawatan.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat mingguan Kabinet juga tidak membincangkan mengenai pertukaran portfolio menteri, pelantikan menteri baharu atau tindakan menggantikan mana-mana menteri.

"Kita tidak bincang perubahan atau pertambahan anggota Kabinet, memandangkan tiada yang mahu meletakkan jawatan.

"Buat masa ini tiada kekosongan, jika ada kita akan cari calon yang sesuai," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini, semalam.

Dr Mahathir ditanya sama ada Kabinet ada membincangkan lebih lanjut mengenai pertukaran portfolio menteri dan kemungkinan usaha membawa masuk Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke dalam Kabinet.

Minggu lalu, Perdana Menteri menegaskan tiada menteri baharu akan menganggotai Kabinet, sebaliknya mungkin berlaku pertukaran kecil portfolio menteri.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BERSATU berkata, parti itu juga tidak membincangkan mengenai pertukaran portfolio menteri.

"Mesyuarat parti juga tidak membincangkan perkara itu," katanya.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, Kabinet ada membincangkan dakwaan Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Berhubung Kemiskinan Tegar dan Hak Asasi Manusia, Prof Philip Alston, berhubung pemerhatian mengenai kadar kemiskinan dalam negara.

"Kita akan mengkaji dengan lebih mendalam perkara itu dan ada kemungkinan kayu pengukuran garis kemiskinan ini akan disemak semula, sesuai dengan kedudukan negara," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir mengingatkan pemimpin BERSATU supaya berhati-hati membuat kenyataan dan pengumuman supaya tidak merosakkan imej parti.

Beliau menegaskan, tindakan disiplin boleh diambil terhadap mereka sekiranya ada laporan dibuat kepada Majlis Pimpinan Tertinggi parti.

"Perlu ada disiplin dalam parti, khususnya bagi ahli Majlis Presiden dan Pimpinan Tertinggi," katanya.

Ditanya sama ada ia merujuk kepada kenyataan dibuat Ketua Dasar dan Strategi Bersatu, Datuk Dr Rais Hussin Mohamed Ariff, Dr Mahathir mengulas ringkas: "Mungkin."

Rais pada Seminar Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14): Implikasi pilihan raya kecil kepada PRU-15 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

(UIAM), kelmarin, berkata sudah tiba masanya untuk Kerajaan PH memenuhi keperluan rakyat sekiranya tidak mahu menjadi kerajaan se-penggal.

Perdana Menteri juga berkata, BERSATU tidak pernah melantik sesiapa sebagai ketua strategis parti.

"Tidak ada pakar strategik, tidak ada dalam parti, saya tidak tahu siapa lantik, itu bukan lantikan rasmi, tiada jawatan seumpama ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, pemimpin UMNO yang sudah keluar parti dan menjadi wakil Bebas serta tidak mempunyai masalah, terutama kes mahkamah, kini boleh menyertai BERSATU.

"Kalau mereka yang ada kes mahkamah, kita tidak dapat terima. Hanya mereka yang tidak terbabat sahaja diterima," katanya.

Ditanya mengenai bilangan pemimpin UMNO yang dijangka akan menyertai BERSATU, Dr Mahathir berkata, parti itu tidak mempunyai sebarang anggaran.

"Kita tidak tahu berapa ramai, di Sabah hampir semua pemimpin UMNO. Ada Ahli Parlimen dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)," katanya.

Dr Mahathir berkata, BERSATU juga berpandangan banyak kesalahan yang dilakukan oleh UMNO ketika ini, tidak diambil tindakan sewajarnya oleh pihak berkuasa.

"Dahulu semasa saya jadi Presiden UMNO, ada tiga cawangan tidak buat mesyuarat dan parti itu terus diharamkan. Kita sedar sebelum ini parti kita juga turut diharamkan sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 lalu," katanya.